

Dua projek Duta Jauhar ke Perancis

➔ Cipta sejarah terpilih wakili Malaysia program pertukaran ilmu

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my

► Johor Bahru

Duta Jauhar mencipta sejarah apabila terpilih menghantar dua projek mewakili Malaysia menerusi program pertukaran ilmu, Young Challengers Meeting Event and Global Social Business Summit 2017 Paris (GSBS) di Perancis.

Pengurus Korporat Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), Sahrudin Manas, berkata program pada bulan lalu itu membabitkan projek Orla Farm dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta projek Abstrak Johor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Katanya, Orla Farm ialah projek keusahawanan sosial yang menjadikan masalah pembaziran sisa makanan sebagai fokus bagi membantu ibu tunggal menerusi penghasilan baja organik daripada sisa makanan.

Beliau berkata, Abstrak Johor

pula projek yang memfokuskan untuk membantu dalam menambah pendapatan golongan kelainan upaya (OKU) menerusi penghasilan produk berasaskan batik dan lukisan.

"GSBS ialah persidangan yang memfokuskan mengenai Hab Plastik, Hab Sukan, Hab Makanan dan Pemikiran Reka Bentuk Keusahawanan Sosial.

Bincang revolusi makanan

"Pengisian GSBS turut membincangkan Revolusi Makanan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Danone, Emmanuel Faber dan sesi dialog bertajuk Dunia dengan Tiga Sifar iaitu karya Prof Muhammad Yunus.

"Sesi dialog itu menumpukan topik kemampunan bagi mengatasi dan mengelakkan masalah sosial dalam masyarakat daripada terus berlaku," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata, menerusi Young Challengers Meeting (YCM), 50 belia daripada pelbagai negara di-

himpun dalam satu perjumpaan bagi membincangkan pendapat dan penambahbaikan yang boleh dijalankan secara bersama mengenai keusahawanan sosial.

Katanya, program dimulakan dengan slot diisi Muhammad Yunus, individu yang menubuhkan Bank Grameen pada 1983 untuk membantu golongan miskin, pemenang Anugerah Nobel Keamanan, Pengerusi Yunus Centre dan Pengasas Grameen Bank di Dhaka.

Sementara itu, Pengarah Projek Duta Jauhar Abstrak Johor, Nurul Afiqah Johar, berkata peserta Duta Jauhar bersama belia seluruh dunia yang menjalankan projek keusahawanan sosial diberi pendedahan bagi menghasilkan Model Kanvas Keusahawanan Sosial.

"Ia bertujuan membincangkan semula struktur projek supaya dapat mencapai kesan sosial dan dapat mengatasi masalah ingin diselesaikan. Hasilnya dibentangkan di depan Muhammad Yunus," katanya.

Duta Jauhar hasil cetusan idea



Delegasi Duta Jauhar yang terbabit program pertukaran ilmu, Young Challengers Meeting Event and Global Social Business Summit 2017 Paris (GSBS) di Perancis.

Fakta
nombor

50 BELIA

daripada pelbagai negara dihimpun menerusi YCM

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam membangunkan sosio ekonomi rakyat negeri ini menerusi pembabitan mahasiswa Johor dari institusi pendidikan tinggi seluruh negara.

Inisiatif itu pengiktirafan besar kerajaan negeri kepada mahasiswa yang diyakini boleh bersama-sama menyumbangkan idea kreatif, inovatif dan sumber tenaga bagi menjayakan agenda pembangunan masyarakat dan negeri.

Program itu akan melaksanakan projek yang berpotensi memberi kesan dan manfaat kepada masyarakat di setiap daerah di negeri ini dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Setiap projek menetapkan kumpulan sasaran penerima manfaat seperti pelajar, belia, usahawan industri kecil sederhana, rakyat berpendapatan rendah dan miskin tegar, Orang Asli serta ibu tunggal berdasarkan matlamat dan bidang keberhasilan projek terbabit.